

# Barat terus gagal fahami Islam

## Tiada lagi persefahaman selepas peristiwa 11 September: PM

**W**AWANCARA Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama pengacara Talk Asia, Anjali Rao yang disiarkan CNN semalam.

**? Perdana Menteri Abdullah, selamat datang ke Talk Asia. Perkara pertama yang saya ingin bincangkan dengan anda ialah peranan Islam di dunia ketika ini. Baru-baru ini anda bercakap mengenai jurang antara Islam dan Barat. Anda berpendapat ia akan bertambah dalam selagi masyarakat antarabangsa menerima beberapa perkara sebagai kebenaran. Apakah anda rasa dunia bukan Islam terlepas pandang.**

Apakah yang mereka terlepas pandang ialah orang Islam tidak mampu memaparkan dengan jelas pembangunan di negara mereka dan pembangunan umat Islam yang mencerminkan ajaran sebenar Islam. Tindakan mereka yang bergelagor pengganasan Muslim, mencemar nama Islam dan umatnya. Peristiwa 11 September menyebabkan banyak keduakaan dan kesedihan. Malah, pandangan bukan Islam terhadap Islam sudah jauh berubah sejak peristiwa itu. Hari ini, seolah-olah tiada lagi persefahaman bagi mewujudkan hubungan lebih baik antara kedua-duanya. Bagi saya, itu punca kepada apa yang kita lihat hari ini.

**? Tetapi bila kita melihat peristiwa seperti 11 September dan penggejatan Bali yang didalangi pelampau Islam, sudah tentu lebih sukar untuk cuba memujuk dunia lain bahawa agama anda berteras kedamaian dan perpaduan walaupun hanya segelintir umat Muslim melakukan kekejaman. Apabila bom meletup, suara mereka-lah yang paling kuat kedengaran.**

Sudah tentu apabila insiden seperti itu berlaku, amatlah sukar untuk kami menjelaskannya, terutama jika mereka yang terbabit berkata: "Kami melakukannya atas nama Islam". Itu menjadi masalah besar.

**Apakah anda fikir pelampau ini? membaca kitab suci dan itulah apa yang mereka peroleh daripadanya. Apakah ada pengajaran bahawa keganasan terhadap bukan Islam dibenarkan.**

Tidak. Keganasan dalam al-Quran dinyatakan sangat nyata. Hukum Tuhan amat jelas iaitu seseorang tidak boleh melakukan keganasan. Seseorang itu tidak boleh melakukan keganasan, terutama jika ia menjurus kepada kemusnahan terhadap apa yang anda sudah capai. Apa yang anda sudah lakukan, sudah bawa pembangunan, kemajuan dan anda tidak harus memusnahkan semua ini.

**? Anda juga mengatakan baru-baru ini mengenai penghinaan yang dirasakan umat Islam. Mengapa ini perasaan utama masyarakat Islam dan adakah ia sesuatu yang anda sebagai umat Islam rasai.**

Saya juga berasa begitu. Satu perkara yang gagal difahami Barat. Bagi orang Islam, agama sangat penting. Agama bagi orang Islam bukan sesuatu yang disimpan di rumah. Ia bukan untuk sanak saudara. Bagi umat Islam, agama penting. Dalam sektor korporat, perniagaan, kerajaan...segala apa yang dilakukan, beliau terikat dengan ajaran Islam. Justeru, ia sebenarnya tafsiran al-Quran. Ada

orang mengatakan jika anda perlu mempertahankan diri, anda perlu menggunakan apa saja senjata... anda perlu memastikan dapat, mempertahankan diri. Anda perlu bertindak walaupun tindakan itu kelihatan seperti keganasan. Namun ia tetap dilakukan. Jadi semua orang melakukannya? Bila ada keganasan terhadap negara atau rakyat, mereka bertindak dalam cara dianggap ganas. Tetapi apakah yang kita lihat? Adakah kita melihat keganasan yang terpaksa digunakan atau dilakukan kerana paksaan? Saya tidak tahu.

**? Bercakap mengenai tindak balas ganas, baru-baru ini ada tindak balas terhadap ulasan yang dibuat Pope yang mana beliau memetik Maharaja Bizantin yang merujuk ajaran Nabi Muhammad sebagai jahat. Pope membuat kenyataan susulan dengan mengatakan ulasan itu adalah agak sempit untuk dialog agama. Mengapa orang Islam di seluruh dunia tidak mendengar ayat itu sehingga penghujungnya. Mengapa mereka hanya mendengar bahagian pertama dan memberi maklum balas? Adakah umat Islam terlalu sensitif?**

Apabila membabitkan soal agama, kami sentiasa amat sensitif. Ramai orang apabila membabitkan soal kaum akan sentiasa amat sensitif. Bukan saja kami, orang lain juga menjadi amat sensitif. Pope tidak perlu membangkitkannya! Mengapa beliau perlu membangkitkannya melihat keadaan semasa? Mengambil kira antara kumpulan Islam dan bukan Islam wujud ketegangan dan keduakaan, kurang kepercayaan dan keyakinan, itu amat penting. Justeru, jangan bangkitkan!

**? Satu kumpulan yang menunjukkan sebagai ancaman kepada rantau ini ialah Jemaah Islamiah. Ia mahu mewujudkan negara Islam di Nusantara mencakupi Malaysia, Indonesia, Filipina dan juga Singapura. Dengan tahap kebencian di kalangan masyarakat Islam terhadap Barat, apa yang dianggap sifat agresif Barat, apakah anda lihat wawasan JI akan menjadi kenyataan.**

Tidak. Saya tidak melihat ia akan berhasil di rantau ini. Malah, kami berjaya mengekang aktiviti mereka. Bukan kami tidak mempunyai pengikut JI. Kami mempunyai mereka yang berpegang kepada falsafah atau ideologi JI te-

**"Apabila membabitkan soal agama, kami sentiasa amat sensitif. Ramai orang apabila membabitkan soal kaum akan sentiasa amat sensitif. Bukan saja kami, orang lain juga menjadi amat sensitif"**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

tapi mereka gagal mencari pengikut. Bagaimanapun kami perlu berhati-hati. Kami tidak boleh benarkan mereka meneruskan kempen dan mempromosikan idea mereka kerana bagi Malaysia, mereka tidak boleh diterima. Indonesia juga tidak menerimanya dan Brunei tidak menerima ideologi itu.

**? Perdana Menteri, anda baru-baru ini menemui Presiden Amerika Syarikat, George W Bush. Boleh jelaskan apa yang dibincangkan dengan beliau.**

Kami berbincang mengenai banyak perkara. Isu antarabangsa, sudah tentu isu Asia Barat, Iran, Asia, keganasan dan demokrasi. Banyak perkara, banyak isu.

**tahu anda bincangkan dengan beliau ialah keinginan untuk mewujudkan keamanan sejagat. Tetapi anda nyatakan pendekatan anda berbeza. Sejauh mana pentingnya untuk ketua negara mengorak langkah bagi mencapainya.**

Saya fikir itu penting. Saya nyatakan jika kita mahu keamanan sejagat, semua kita mesti mempunyai idea yang hampir sama bagaimana untuk melakukannya. Jika tidak sama, idea itu mesti sepadan. Ini juga selaras dengan strategi dan pendekatan.

**anda dengan Presiden Bush pada peringkat peribadi.**

Berdasarkan perbualan kami, tiada yang bersifat konfrontasi. Beliau sanggup berterus terang, saya sedia untuk

# Misi Nasional tunjang capai Wawasan

## DARI MUKA 12

sangat berterus terang dalam banyak perkara yang diperkatakan. Saya juga tidak menyorok apa pun yang hendak saya nyatakan kepada beliau. Bila saya bersama beliau, saya bercakap sebagai seorang Muslim, seorang lelaki dari Asia, seorang Melayu, seorang pemimpin negara Islam dan Pengerusi OIC. Saya ingin luahkan perasaan, kebimbangan dan pandangan kami dalam banyak perkara kerana Presiden Amerika Syarikat, biar siapapun dia, adalah orang berpengaruh. Beliau memutuskan banyak perkara dan kita semua menderita kerananya, kadangkala mendapat manfaat.

? Satu lagi hubungan yang mendapat liputan akhbar ketika ini adalah hubungan anda dengan pemimpin terdahulu (Tun) Dr Mahathir Mohamad. Keadaan nampak agak rumit ketika ini. Apakah halnya semua ini.

Apakah halnya semua ini? Beliau tidak dan tidak pernah bersejua beberapa perkara yang saya lakukan. Antaranya mengenai beberapa projek yang beliau putuskan yang patut kami laksanakan. Itu saja, tiada perkara lain. Di situlah ia bermula.

? Namun beliau Perdana Menteri negara ini selama 22 tahun dan masih dihormati ramai orang dan dipandang tinggi. (PM: Ya benar) Apakah anda bimbang bahawa berhadapan dengan beliau seperti ini anda mungkin membunuh karier politik anda.

Tidak, tidak, tidak, saya tidak fikir itu membunuh karier politik saya. Beliau memperkatakan banyak perkara dan saya memutuskan untuk berdiam diri dan meneruskan apa yang ingin saya lakukan. Rakyat mahu saya melakukan apa yang saya ingin lakukan dan saya masih mendapat sokongan majoriti hari ini.

? Apakah anda tidak mempedulikan apa yang beliau nyatakan atau kritikan beliau.

Sudah tentu saya boleh mendengar. Jika beliau bercakap ke-

pada akhbar, saya baca. Jika ada sesuatu yang ingin saya lakukan, saya teruskan. Sebahagian kritiknya yang relevan, saya akan buat perubahan yang perlu, dan sebahagian daripada kritikan itu, saya tidak boleh terima.

? Salah satu perkara yang beliau katakan kepada anda ialah anda menukar Malaysia menjadi negara yang penakut. Ini termasuk anda membatalkan rancangan membina jambatan menghubungkan Malaysia dan Singapura. Apakah anda berasa beliau mempunyai sebab yang wajar kerana beliau mungkin melihat anda menghentikan apa yang beliau letakkan.

Bukan semua yang beliau letakkan (dihentikan) Tidak! Wawasan 2020, pencapaian terbesar beliau, juga matlamat saya. Itu kami kongsi bersama, saya kongsi Wawasan itu. Saya sudah merangka apa yang dipanggil Misi Nasional. Misi itu amat besar bagi mencapai Wawasan itu. Perancangan saya bukan hanya Rancangan Malaysia Kesembilan, rancangan saya untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh, Rancangan Malaysia Kesebelas.

? Tetapi projek pembinaan besar seperti jambatan itu, anda tahu adalah salah satu projek emasnya...ia sesuatu yang beliau usahakan selama beberapa tahun. Sekarang beliau melihat anda membuangnya.

Saya sudah membuat keputusan bahawa saya tidak akan menuruskan pembinaan jambatan itu. Kami berbincang dalam Kabinet, kami rasa tidak baik kami tidak akan membinanya. Kami amat praktikal dalam pendekatan kami, dan jambatan itu tidak kena mengena dengan soal hidup atau mati Malaysia. Ia tiada kaitan langsung dengan isu integriti, ia isu praktikal, dan atas sebab itu kami rasa kami tidak akan bina jambatan itu. Kami boleh lakukan perkara lain untuk memajukan Malaysia.

Jika beliau tidak pernah me-  
? megang kuasa, jika beliau ti-

dak pernah memerintah negara ini seperti mana yang beliau lakukan, apakah anda terima Malaysia mungkin kurang berjaya hari ini.

Kitatidak akan tahu, kita tidak akan tahu, kita tidak akan tahu. Macam mana kita nak tahu, ini soalan andaian. Dulu beliau adalah Perdana Menteri kami, pemimpin kami. Beliau memerintah selama 22 tahun, beliau adalah pemimpin selama 22 tahun. Beliau sudah melaksanakan dan mencapai banyak kejayaan untuk Malaysia. Kami amat berbangga dengan pencapaian beliau. Itu adalah hakikat. Tetapi hari ini apabila beliau mula mengkritik, tidak semua menghargainya, tidak semua.

? Perdana Menteri yang juga pengasas Singapura, Lee Kuan Yew, berkata penduduk Cina di sini dipinggirkan secara sistematik. Sekarang beliau mengutus surat menjelaskan komennya. Apakah yang anda ingin dengar daripada beliau?

Apa yang pasti saya tidak mahu beliau membangkitkan sesuatu isu seperti itu. Tidak, beliau tidak perlu (buat begitu).

? Apakah anda mengatakan tuduhannya tidak berasas.

Ya, ia tidak berasas. Dan ia isu yang boleh menyebabkan rasa tidak gembira kepada ramai orang. Kenapa? Seseengah mungkin menganggapnya sebagai mencampuri urusan kami. Masyarakat Cina di Malaysia dalam kedudukan baik. Mereka lebih selesa berbanding rakyat peribumi, berbanding Melayu.

nyatakan ke-  
rana mereka sangat berjaya, mereka dipinggirkan.

Tidak. Mereka sangat berjaya kerana kami memberi mereka peluang untuk berjaya. Kami benarkan mereka, anak mereka ke sekolah Cina...ke institusi vokasional... belajar Mandarin dan mereka mengamalkan budaya mereka. Tahun Baru Cina disambut bukan saja oleh mereka tetapi oleh Melayu, orang Islam. India. Kami saling menghormati yang semakin berkembang di Malaysia.

? Kali terakhir kami menemui anda dalam Talk Asia, anda menyatakan: "Kerajaan sedang berusaha memastikan rakyat Malaysia bersatu, tiada prejudis perkauman di kalangan mereka". Namun ketika itu, kaji selidik yang dikeluarkan menunjukkan ramai rakyat Malaysia daripada semua kaum mempercayai stereotaip yang dilemparkan terhadap mereka. Adakah anda tersilap tafsir perbezaan yang wujud di kalangan pelbagai kaum.

Perbezaan memang wujud, itu adalah hakikat kerana kepelbagaian budaya. Dalam situasi di mana wujud kepelbagaian budaya, akan ada perbezaan tetapi kami merayakan perbezaan ini. Namun apa yang kami ingin lihat, keinginan untuk bersama ialah untuk menjalani kehidupan yang aman. Kami mahu menghormati mereka yang bukan daripada mereka yang bukan dari kumpulan etnik kami, mereka yang bukan seagama. Keinginan untuk berbaik-baik dan melakukan sesuatu bersama. Paling penting kami semua mencintai negara ini yang menjadi milik kami iaitu Malaysia.

? Malaysia berjaya dalam pelbagai bidang. Ia berjaya daripada segi sosial dan ekonomi. Bagaimanapun, salah satu tuduhan yang terus dilemparkan terhadapnya sebagai negara demokratik ialah kebebasan akhbar sebenarnya tidak bebas. *Reporters San Frontiers* tahun lalu meletakkan negara anda pada kedudukan 113 daripada 167 negara yang mempunyai kebebasan akhbar dengan kedudukan 167 sebagai paling kurang bebas. Kenapa ia perlu dikawal begitu ketat jika benar demokrasi diamalkan di sini.

Ia bukan dikawal ketat. Akhbar Malaysia mempunyai kebebasan tetapi mereka amat bertanggungjawab. Mereka memahami keadaan di mana mereka beroperasi, Mereka juga mempunyai peranan iaitu apa yang disebut penapisan sendiri. Tetapi ada akhbar lain, akhbar utama melakukan penapisan sendiri tetapi

akhbar lain yang kecil yang mengemukakan bentuk kebebasan yang saya sendiri tidak faham, untuk mencetak dan memperkatakan semua jenis perkara. Saya fikir adalah salah untuk menyatakan kami terperosok di bawah sana. saya tidak tahu satu pun negara yang akhbarnya benar-benar bebas.

? Anda sendiri pernah menyatakan kebebasan akhbar mempunyai sempadan dan kebebasan tanpa batasan juga akan menjurus kepada kekacauan dan kesengsaraan kepada semua. (PM: Ya benar, saya berpegang kepada pandangan itu.) Dalam soal apa? Kenapa perlu ada kekacauan dan kesengsaraan.

Kerana akhbar boleh menjadi tidak bertanggungjawab, boleh membakar perasaan, boleh mewujudkan rasa tidak percaya, boleh mewujudkan ketegangan. Apa yang berlaku ialah sebagai contoh, anda masih ingat karikatur Nabi Muhammad? Anda lihat bagaimanakah umat Islam merasakannya. Jika saya mempunyai perkara sedemikian di Malaysia, Ya Tuhan, anda tahu apa akan berlaku.

? Di mana anda menggariskan sempadan antara kebebasan bersuara dan kawalan.

Garis sempadan itu datang daripada pemahaman mereka di akhbar, memahami masyarakat dan sensitiviti kami. Amat penting mereka memahami masyarakat, budaya dan nilai kami serta sensitiviti politik. Itu sangat penting. Jika mereka memahaminya, mereka akan tahu apa untuk dinyatakan dan apa yang tidak. Ada kalanya pihak akhbar melakukan sesuatu yang membuat kita berfikir: "Oh Tuhan, apakah yang sudah berlaku?" Kami perlu menghadapinya, kami perlu menangannya. kami perlu memahami bahawa mereka tidak boleh melakukannya setiap masa. Kita tidak boleh kerana saya ingin nyatakan tiada kebebasan mutlak. Tahap kebebasan yang dilaksanakan seseorang itu berbeza dari satu negara ke negara lain. Ini adalah hakikat.